

04/03/1997

Dasar luar Croatia disambut baik

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia menyambut baik komitmen dasar luar Croatia untuk memainkan peranan yang positif dan membina dalam memastikan keamanan di rantau Eropah Tenggara berkekalan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini.

Beliau berkata, ketika Croatia berjaya mencapai impian selama 1,000 tahun untuk menikmati kemerdekaan, Bosnia-Herzegovina masih bergelut dengan isu wilayah dan pentadbiran.

"Dengan persefahaman Croatia dan peranan penting masyarakat antarabangsa, Bosnia-Herzegovina kini diberikan status kedaulatannya sendiri," katanya pada jamuan malam bagi meraikan Perdana Menteri Croatia Zlatko Matesa di Sri Perdana di sini.

Beliau berkata, status kedaulatan hanya boleh dipupuk menerusi usaha luar biasa untuk membina semula negara itu dan Malaysia gembira dengan sokongan yang ditunjukkan oleh Croatia.

Dr Mahathir dan Matesa, yang sedang dalam rangka lawatan tiga hari ke negara ini, mengadakan perbincangan mengenai pelbagai isu di Jabatan Perdana Menteri pagi ini.

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia mengikuti kehidupan getir Croatia dan Bosnia-Herzegovina ketika peperangan selama empat tahun itu dan berharap masa dapat menyembuhkan luka mangsa dan sebuah masyarakat baru yang lebih toleran akan wujud.

Beliau berkata, Malaysia akan terus bekerjasama dengan negara lain dalam mewujudkan suasana aman yang berkekalan di Eropah Tenggara.

Dr Mahathir juga berkata, berikutan Malaysia mempunyai masyarakat pelbagai kaum, kerajaan menekankan perlunya semua kaum bekerjasama sebagai satu tenaga padu untuk bersaing secara global dalam pasaran serantau dan antarabangsa. - Bernama

(END)